

NO. SOALAN : 304

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**[SEREMBAN ]**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai 20 projek pembangunan dengan nilai yang tertinggi yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) sedang dalam proses meneliti dan mempertimbangkan permohonan projek daripada setiap kementerian dan Kerajaan Negeri untuk dilaksana dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Dalam RMKe-11, pemilihan projek akan menggunakan pakai *Creativity Index* (CI) dalam menentukan keutamaan projek yang akan dilaksana. CI adalah nisbah faedah yang diterima oleh rakyat berbanding jumlah kos. Sungguhpun CI merupakan kriteria utama, faktor lain seperti kesediaan projek untuk dilaksana dalam RMKe-11 turut diambil kira.

Sekian, terima kasih.